

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Eksekutif IT wanita rugi RM160,000 selepas jadi mangsa 'Phone Scam'
Date : 21 October 2023
Section : Tempatan
Page : 2



Eksekutif IT wanita rugi RM160,000 selepas jadi mangsa 'Phone Scam'

KUCHING: Seorang eksekutif teknologi maklumat wanita di sini mengalami kerugian RM160,000 selepas dipercayai menjadi mangsa 'Phone Scam.'

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri dalam satu kenyataan kelmarin berkata, mangsa menerima panggilan telefon pada 12 Oktober lalu daripada seorang yang mendakwa dirinya daripada Kementerian Kesihatan.

"Semasa panggilan itu, mangsa didakwa menyebarkan maklumat palsu berhubung COVID-19, dan kemudiannya dirujuk kepada orang lain yang mendakwa dirinya daripada polis Perak," ka-

tanya.

Beliau berkata, suspek kemudian memberitahu wanita itu bahawa MyKadnya telah digunakan untuk tujuan pengubahan wang haram dan waran tangkap akan dikeluarkan terhadapnya dalam tempoh 24 jam.

Azman berkata, mangsa yang panik kemudian diarahkan membuka akaun bank baharu dan memindahkan wang simpanannya ke situ, serta memautkan akaun itu ke nombor telefon dan e-mel yang diberikan suspek.

"Dia kemudian membuat empat pemindahan dalam talian ke akaun itu dan hanya menyedari dia telah ditipu apabila wang itu, berjumlah

RM160,000, dipindahkan ke akaun pihak ketiga," katanya.

Sehubungan itu, Azman mengingatkan orang ramai supaya tidak melayan panggilan telefon yang tidak diketahui dan segera memaklumkan kepada pasangan, rakan atau ahli keluarga sekiranya menerima panggilan telefon sedemikian.

"Semak dengan polis, bank atau agensi berkaitan untuk pengesahan. Jangan sekali-kali memberikan butiran bank kepada individu atau pihak yang tidak dikenali, dan elakkan daripada mendaftar nombor telefon suspek untuk perbankan dalam talian anda," katanya.



AZMAN